

**PROSEDUR UNTUK MENDAPATKAN KELULUSAN KERAJAAN NEGERI (SGA) /  
LESEN PENGILANG (FML) UNTUK PROJEK PERKILANGAN DI SABAH**

**1. TAKRIF 'PERKILANGAN'**

- 1.1. Kegiatan '*Perkilangan*' seperti yang ditakrifkan di dalam Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 ialah kegiatan membuat, meminda, menyesuaikan, menghias, melengkap dan juga ditakrifkan sebagai kegiatan memproses atau menyesuaikan sebarang benda atau bahan dengan tujuan penggunaannya, penjualannya, pengangkutannya, penghantarannya atau pelupusannya. Kegiatan ini termasuk juga pemasangan bahagian-bahagian alat/jentera dan pembaikan kapal laut tetapi tidaklah termasuk sebarang kegiatan yang lazimnya berkaitan dengan perniagaan runcit dan borong.
- 1.2. Semua kegiatan perkilangan di Sabah dikehendaki untuk mendapatkan samada SGA atau FML tertakluk kepada saiz modal berbayar dan/atau pekerja sepenuh masa.

**2. CARA MEMOHON SGA & FML**

- 2.1. **SGA** ialah singkatan kepada '*State Government Approval*' digunakan bagi merujuk kepada Kelulusan Kerajaan Negeri untuk Lesen Perniagaan bagi projek-projek perkilangan. Mengikut peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan negeri Sabah, semua projek perkilangan yang dikecualikan daripada Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975 dikehendaki untuk memohon SGA sebelum projek dimulakan. Ini bermaksud syarikat-syarikat perkilangan yang mempunyai modal berbayar berjumlah kurang daripada RM 2.5 juta dan/atau mempunyai pekerja sepenuh masa kurang daripada tujuh puluh lima (75) orang adalah dikehendaki untuk mendapat SGA sebelum memulakan penubuhan projek perkilangan yang dicadangkan.
- 2.2. **FML** ialah singkatan kepada '*Federal Manufacturing Licence*' yang wajib diperolehi oleh setiap syarikat perkilangan yang mempunyai modal berbayar berjumlah RM 2.5 juta dan keatas atau mempunyai pekerja sepenuh masa sebanyak tujuh puluh lima (75) orang atau lebih seperti yang dikehendaki di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975. FML dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri (MITI), Kuala Lumpur.


**2.3. Cara Memohon SGA**

- a. Pemohon hendaklah mengisikan dengan lengkap borang permohonan SGA melalui perkhidmatan dalam talian (online) yang boleh diisi terus menerusi laman web <http://www.sga.sabah.gov.my> bertajuk State Government Approval (SGA) Application Online;
- b. Pemohon dikehendaki untuk mengemukakan peta lokasi kilang, salinan geran tanah dan dokumen-dokumen lain seperti kertas kerja, sampel produk dan maklumat-maklumat lain yang berkaitan;
- c. Semua permohonan yang diterima akan diproses oleh Bahagian Khidmat Industri (BKI), DIDR;
- d. Pemohon akan dipanggil untuk menghadiri temuduga (jika perlu) bagi mendapatkan maklumat lanjut tentang permohonan;
- e. Permohonan yang lengkap dan memenuhi kriteria yang ditetapkan seperti mengemukakan peta lokasi kilang, salinan geran tanah, sampel produk yang dicadangkan dan sebagainya akan dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Perindustrian Negeri (ICC);
- f. Permohonan yang telah disokong untuk diluluskan oleh ICC akan dikemukakan kepada Setiausaha Tetap, Kementerian Perdagangan & Perindustrian (MTI) untuk kelulusan muktamad;
- g. DIDR akan mengeluarkan surat kelulusan SGA kepada permohonan-permohonan SGA yang telah diluluskan oleh Setiausaha Tetap, Kementerian Perdagangan & Perindustrian (MTI); dan
- h. Bagi permohonan yang tidak disokong oleh mesyuarat ICC untuk diluluskan, DIDR akan terus mengeluarkan surat penolakan kepada pemohon berkenaan tanpa merujuk kepada Setiausaha Tetap, Kementerian Perdagangan & Perindustrian (MTI).

**2.4. Cara Memohon FML**

- a. Pemohon hendaklah mengisikan dengan lengkap borang permohonan '*Industrial Coordination Act*' (ICA) dan mengemukakan ke pejabat MIDA dalam tujuh (7) salinan yang lain.
- b. MIDA akan menghantar satu salinan borang permohonan ke pejabat DIDR jika lokasi kilang yang dicadangkan adalah di Negeri Sabah.
- c. Setiap permohonan FML yang diterima oleh DIDR akan diproses mengikut prosedur yang digunakan dalam memproses permohonan SGA kecuali selepas kelulusan muktamad daripada Setiausaha Tetap, Kementerian Perdagangan & Perindustrian (MTI) diperolehi. Dalam hal ini, DIDR akan menyampaikan keputusan Kerajaan Negeri Sabah samada menyokong atau tidak menyokong untuk diluluskan sesuatu permohonan itu kepada MIDA Kuala Lumpur. Ini bermakna pihak MIDA akan membuat keputusan muktamad ke atas sesuatu permohonan FML.
- d. Pemohon FML juga dikehendaki untuk mengemukakan kertas kerja, peta lokasi kilang, salinan geran tanah, sampel keluaran dan dokumen-dokumen yang berkaitan kepada DIDR.

3. CARTA ALIRAN PERMOHONAN SGA/FML



**4. SENARAI SEMAK PENILAIAN PERMOHONAN**

- a) Borang permohonan yang lengkap;
- b) Pemohon mengemukakan Kertas Kerja dan cash flow (jika perlu);
- c) Ulasan Kesesuaian Penempatan Kilang & Industri Baru daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang berkenaan;
- d) Ulasan daripada Jabatan lain yang berkenaan (jika perlu);
- e) Peta lokasi kilang dan salinan geran tanah bagi tapak kilang yang dicadangkan; dan
- f) Lain-lain keperluan yang ditetapkan oleh ICC dari semasa ke semasa.

**5. SENARAI AKTIVITI PENGILANGAN UTAMA MENGIKUT MALAYSIAN STANDARD INDUSTRIAL CLASSIFICATION (MISC) 2000 YANG DIKELUARKAN OLEH JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA**

- a) Manufacture of Food Products & Beverage
- b) Manufacture of Tobacco Products
- c) Manufacture of Textiles,
- d) Manufacture of Wearing Apperals; Derssing & Dyeing of Fur
- e) Tanning & Dressing of Leather, Manufacture of Luggage, Handbags, Saddlery, Harness & Footwear
- f) Manufacture of Wood & of Products of Wood & Cork, Except Furniture, Manufacture of Articles of Straw & Plaiting Materials
- g) Manufacture of Paper & Paper Products
- h) Publishing, Printing & Reproduction of Recorded Media.
- i) Manufacture of Coke, Refined Petroleum Products & Nuclear Fuel
- j) Manufacture of Chemical & Chemical Products
- k) Manufacture of Rubber & Plastic Products
- l) Manufacture of Other Non-Metallic Mineral Products
- m) Manufacture of Basic Metals.
- n) Manufacture of Fabricated Metal Products Except machinery & Equipment
- o) Manufacture of Machinery & Equipment N.E.C.
- p) Manufacture of Office, Accounting & Computing Machinery
- q) Manufacture of Electrical Machinery & Apparatus N.E.C.
- r) Manufacture of Radio, Television & Communication Equipment & Apparatus
- s) Manufacture of Medical, Precision & Optical Instruments, Watches & Clocks
- t) Manufacture of Motor Vehicles Trailer & Semi-Trailers
- u) Manufacture of other Transport Equipment
- v) Manufacture of Furniture: Manufacturing N.E.C.
- w) Recycling

**6. JANGKA MASA PEMROSESAN PERMOHONAN SGA/FML**

- a. 1 bulan.

**7. SYARAT-SYARAT KELULUSAN & TEMPOH PERLAKSANAAN**

- 7.1. Syarikat-syarikat yang diberi SGA atau FML adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan. SGA/FML adalah merupakan kelulusan awal yang perlu diperolehi. Pembinaan bangunan kilang hanya boleh dimulakan setelah syarat-syarat yang ditetapkan dalam SGA/FML dipatuhi. Antara syarat yang penting ialah kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang berkenaan, Jabatan Alam Sekitar (DOE) dan Jabatan Perlindungan Alam Sekitar hendaklah diperolehi sebelum sebarang kerja pembinaan bangunan kilang dimulakan.
- 7.2. Permohonan-permohonan yang telah diluluskan di bawah SGA hendaklah dilaksanakan dalam tempoh satu (1) tahun mulai dari tarikh surat kelulusan dikeluarkan. Jika kilang tidak dilaksanakan dalam tempoh berkenaan maka kelulusan tersebut akan ditarik balik. Bagaimanapun, perlanjutan tempoh pelaksanaan boleh diberikan jika mempunyai alasan yang manasabah. SGA/FML tidak perlu diperbaharui.
- 7.3. Bagi FML, tempoh pelaksanaan adalah enam (6) bulan dan juga boleh dilanjutkan. Syarat-syarat dalam FML adalah ditetapkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri (MITI).

**8. KELULUSAN AUTOMATIK (AA)**

- 8.1. DIDR akan memberi Kelulusan Automatik (Automatic Approval - AA) kepada permohonan-permohonan projek perkilangan yang mempunyai cadangan kos projek berjumlah RM500,000 dan ke bawah dan mempunyai pekerja sepenuh masa tidak melebihi lima puluh (50) orang. Bagaimanapun, ini adalah terhad kepada kilang-kilang/jenis keluaran yang disenaraikan seperti berikut:

- |                   |                          |
|-------------------|--------------------------|
| 1) Ais Krim       | 6) Pertukangan Besi      |
| 2) Kilang Ais     | 7) Minyak Kelapa         |
| 3) Kilang Kopi    | 8) Kilang Keropok        |
| 4) Serbuk Kari    | 9) Kilang Roti & Biskut  |
| 5) Kilang Perabot | 10) Kilang Mee & Meehoon |

- 8.2. Kelulusan automatik (AA) ini adalah sejenis surat kelulusan yang diberikan kepada pemohon tanpa merujuk permohonan tersebut kepada mesyuarat ICC dan kelulusan Setiausaha Tetap, Kementerian Perdagangan & Perindustrian (MTI). Kelulusan ini akan diberikan secara automatik kepada pemohon yang telah memenuhi syarat asas iaitu cadangan tapak kilang telah dipersetujui atau dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang berkenaan.

9. **KELULUSAN FAST TRACK (FT)**

- 9.1. Kelulusan 'Fast Track' (FT) adalah diberikan kepada permohonan untuk Lesen Pengilang yang telah memenuhi empat (4) syarat asas seperti berikut:
1. Industri bukan sensitif,
  2. Lokasi terletak dalam kawasan industri atau kawasan yang dibenarkan oleh PBT berkenaan;
  3. Tidak tertakluk kepada kelulusan EIA dan
  4. Produk digalakkan oleh Kerajaan.

10. **PERMOHONAN UNTUK MENDIRIKAN KILANG MINYAK KELAPA SAWIT**

- 10.1. Permohonan untuk mendirikan kilang minyak kelapa sawit bagi mengeluarkan minyak sawit mentah (CPO) dan isirong sawit (PK) di Sabah (dikecualikan daripada FML) adalah dikehendaki untuk mendapatkan SGA. Peraturan ini ditetapkan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB).
- 10.2. Prosedur permohonan Kesesuaian tapak bagi permohonan pembinaan kilang kelapa sawit yang baru di Sabah adalah melalui Site Suitability Comprehensive Report (SSCR) untuk kelulusan Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah (DOE).

11. **BORANG FML**

- 11.1. Borang FML dimuat turun daripada laman web MIDA <http://www.mida.gov.my/>

12. **PERMOHONAN SGA DALAM TALIAN (ONLINE)**

- 12.1. Sebagai langkah untuk memperbaiki sistem penyampaian perkhidmatan yang efisien, DIDR telah menyediakan permohonan SGA dalam talian (online) di laman web: <http://www.didr.sabah.gov.my>

13. **PERTANYAAN LANJUT**

- 13.1. Sebarang pertanyaan untuk mendapatkan maklumat tentang cara-cara dan prosedur untuk mendapatkan SGA/FML untuk menubuhkan projek perkilangan di Negeri Sabah hendaklah dimajukan/dikemukakan kepada:

Jabatan Pembangunan Perindustrian & Penyelidikan (DIDR)  
Tingkat 7 & 8, Blok C, Wisma Tun Fuad Stephens, 88300 Kota Kinabalu  
U.P : Encik Benedick Bisoni, Ketua Bahagian Khidmat Industri (BKI)  
Tel : 088-217742  
Faks : 088-216698 / 088-257814  
E-Mel : Benedick.Bisoni@sabah.gov.my

- 13.2. Pertanyaan tentang cara-cara dan prosedur untuk mendapatkan Lesen Pengilang (FML) dan Galakan Di Bawah Akta Penggalakan Pelaburan, 1986 hendaklah dimajukan/kemukakan kepada:

Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)  
Lot D9.4 & D9.5, Tingkat 9, Blok D  
Bangunan KWSP, Karamuning  
88100 Kota Kinabalu  
U.P : Puan Habibah Enok, Pengarah  
atau Puan Dayang Noralizah M Yassin, Penolong Pengarah  
Tel : 088-211411  
Faks : 088-211412  
E-mail : habibah@mida.gov.my atau dayang@mida.gov.my